

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN**
KAWASAN : PONTIAN

SOALAN NO. 18

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jalan dari bandar Pontian ke Pekan Tampok dan dari Bandar Benut ke Tol Simpang Renggam akan dibesarkan dan disempurnakan keseluruhannya lorong untuk laluan motosikal. Berapa kos untuk melaksanakan, bila akan dilaksanakan dan tarikh dijangka ianya disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), sebanyak sembilan (9) projek menaiktaraf jalan raya telah diluluskan bagi seluruh Negeri Johor yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.24 bilion.

Walau bagaimanapun, lokasi yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu dari Pontian ke Pekan Tampok, dan dari Bandar Benut ke Tol Simpang Renggam tidak tersenarai dalam senarai projek-projek yang telah diluluskan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tiada peruntukan khas disediakan untuk membina lorong motosikal pada Belanjawan Tahun 2020. Namun begitu, Kementerian ini sedia mempertimbangkan sekiranya terdapat cadangan untuk menaiktaraf jalan termasuk dengan mengambilkira keperluan penunggang motosikal dari bandar Pontian ke Pekan Tampok, dan dari Bandar Benut ke Tol Simpang Renggam.

Justeru itu, Kementerian ini mencadangkan agar Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor untuk menyelaras bersama – sama dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor untuk menyenaraikan projek – projek tersebut dalam senarai keutamaan Negeri Johor untuk diangkat di dalam permohonan bagi *Rolling Plan* yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN [PONTIAN]**

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan agar meluluskan pembesaran Hospital Daerah Pontian yang kini amat diperlukan serta sudah pun diumumkan kelulusannya oleh Kerajaan BN sebelum ini tetapi tidak diteruskan oleh Kerajaan PH. Nyatakan perancangan pembesaran itu, kos yang terlibat dan tahun ianya akan disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Pontian adalah sebuah Hospital Tanpa Pakar yang telah dibina sejak tahun 1929 dan menawarkan Perkhidmatan Kecemasan, Klinik Pakar Lawatan, Pesakit Dalam (Multidisiplin, Pediatrik dan O&G), Sajian Dietetik, Farmasi, Stor Integrasi, Makmal, Forensik, Hemodialisis, dan Rehabilitasi (Fisioterapi & Carakerja). Jumlah kedatangan pesakit ke Hospital Pontian pada tahun 2018 adalah seramai 13,051 orang dan pada tahun 2019 adalah seramai 12,912 orang. Manakala kadar penggunaan katil (*bed occupancy rate*) adalah sebanyak 58.57% pada tahun 2018 dan 59.64% pada tahun 2019.

2. Hospital Pontian juga menerima kes-kes rujukan dari 8 buah Klinik Kesihatan, 33 Klinik Desa, satu *Maternity Home* dan 17 Pengamal Perubatan Swasta. Selain daripada menjadi pusat rawatan daerah, Hospital Pontian juga memberi perkhidmatan kepada penduduk kawasan berdekatan iaitu Simpang Renggam, Kluang, Rengit, Gelang Patah, Ulu Choh dan sebahagian Johor Bahru.

SOALAN NO. 19

3. Sebagai langkah untuk menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat, kementerian telah meluluskan peruntukan bagi kerja-kerja naiktaraf Hospital Pontian yang dilaksanakan secara berfasa. Antaranya ialah menaik taraf sistem gas perubatan, menaik taraf sistem elektrik, menaik taraf siling dan sistem pendingin hawa Unit Kecemasan, mengecat pagar, menaik taraf panel kebakaran dan menaik taraf wad pediatrik. Kerja-kerja menaiktaraf Hospital Pontian pada tahun 2016, 2019 dan 2020 seperti berikut :

A. Tahun 2016:

- i) Menaiktaraf gentian siling wad pediatrik serta kerja-kerja berkaitan dengan kos sebanyak RM296,800.

B. Tahun 2019:

- i) Menaiktaraf sistem elektrik (Unit Sajian, Unit Hemodialisis, Unit Rekod, Unit CCSU dan Bilik Penyelia) dengan kos sebanyak RM13,780.
- ii) Menaiktaraf siling di Unit Kecemasan dengan kos sebanyak RM19,500.
- iii) Menaiktaraf panel kebakaran di Bilik MSB No.2 dengan kos sebanyak RM19,720.

C. Tahun 2020:

- i) Menaiktaraf sistem keselamatan farmasi logistik dengan kos sebanyak RM12,540.
- ii) Menaiktaraf sistem gas perubatan dengan kos RM1.29 juta (Projek dijangka siap pada bulan Oktober 2020)

Sekian, terima kasih.